

Jom!

CERDIK CUKAI



1. CP38 – ARAHAN POTONGAN GAJI TAMBAHAN

Arahan CP38 dikeluarkan oleh LHDNM yang mengkehendaki majikan membuat potongan tambahan secara ansuran bulanan (selain daripada potongan cukai bulanan atau PCB), bertujuan menyelesaikan tunggakan cukai pendapatan pekerja.

Majikan perlu membuat pembayaran mengikut ruangan berasingan yang telah disediakan di dalam Penyata Potongan Cukai Oleh Majikan (CP39).

Pembayar cukai yang menerima Arahan CP38 ini dinasihatkan untuk menghubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 atau cawangan LHDNM yang menguruskan fail cukai mereka jika memerlukan penjelasan lanjut berkaitan arahan ini.

3. PERNIAGAAN DIGITAL

Perniagaan digital merujuk kepada aktiviti ekonomi yang menggunakan teknologi digital. Sebarang transaksi perniagaan yang dijalankan menerusi teknologi digital dianggap sebagai perniagaan digital meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi tersebut dijalankan secara fizikal.

Individu atau syarikat yang menjalankan perniagaan digital di Malaysia tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Contoh sektor perniagaan digital adalah :

- Peruncitan : *Dropship*, ejen, stokis dan lain-lain
- Penjagaan Kesihatan : Penjualan produk penjagaan kesihatan
- Pengiklanan : *Blogger, Instafamous, Youtuber, Live Streamers*

Maklumat lanjut berhubung percukaian bagi perniagaan digital ini boleh diperolehi daripada Sepintas e-Buku Hasil melalui pautan MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/>.

2. HASIL KNOWLEDGE CENTRE (HKC)

Hasil Knowledge Centre (HKC) adalah sistem interaktif yang menawarkan sokongan carian bagi mendapatkan maklumat segera percukaian. *HKC* berfungsi memberikan jawapan berdasarkan kata kunci yang dimasukkan oleh pengguna.

Pengguna perlu memasukkan kata kunci dan klik “Tanya@HKC”. Maklum balas segera akan dipaparkan berdasarkan kata kunci tersebut.

HKC boleh dicapai melalui Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my dan klik widget “Tanya@HKC”.

4. NATIONAL TAX CONFERENCE 2021

Acara tahunan anjuran bersama CTIM dan LHDNM ini akan diadakan secara hibrid (fizikal dan maya) mengikut ketetapan berikut :

Tarikh : 27 dan 28 Julai 2021

Tema : *Taxation : Achieving Economic Resilience and Supporting Business Continuity*

Tetamu Kehormat :

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan Malaysia.

Maklumat lanjut berhubung *NTC 2021* boleh didapati daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my.

5. SURAT PENYELESAIAN CUKAI (SPC)

Surat Penyelesaian Cukai (SPC) merupakan perakuan yang dikeluarkan oleh LHDNM kepada majikan berkaitan cukai pendapatan pekerja yang akan berhenti kerja / bersara / hendak meninggalkan Malaysia atau pekerja yang meninggal dunia. Bagi individu yang menerima pendapatan selain daripada penggajian, waris atau wasi yang dilantik bertanggungjawab untuk membuat penyelesaian cukai sekiranya pembayar cukai tersebut meninggal dunia.

Majikan perlu maklumkan kepada LHDNM tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh pemberhentian pekerja / bersara / pekerja dijangka meninggalkan Malaysia; atau tidak melebihi 30 hari selepas dimaklumkan kematian pekerja berkenaan.

Majikan juga perlu menahan apa-apa bahagian wang yang akan atau boleh dibayar kepada pekerja sehingga menerima SPC dari LHDNM.

Permohonan SPC boleh dibuat secara :

- e-SPC melalui pautan MyTax (oleh majikan sahaja)
- Penghantaran secara manual ke cawangan yang menguruskan fail cukai individu berkaitan menggunakan borang permohonan berikut :
 - CP22A : Bagi pekerja swasta
 - CP22B : Bagi penjawat awam
 - CP21 : Pekerja yang akan meninggalkan Malaysia.

